

Mari berjalan bersama dalam SUKACITA Tuhan



TAKHTA SUCI: Dalam ucapan *Regina Coeli* pertamanya dari tingkap Istana Apostolik, Sri Paus Leo XIV mengingatkan para umat beriman bahawa Tuhan memegang tangan kita dan mengajak kita untuk tidak membiarkan langkah kita berhenti dalam iman sebaliknya berjalan dengan gembira dalam iman.

Bapa Suci memulakan ucapannya dengan menyatakan rasa syukur. "Baru beberapa ketika yang lalu saya memulakan pelayanan saya dalam kalangan anda, dan pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kasih sayang yang anda perlihatkan kepada saya dan saya ingin meminta anda untuk menyokong saya dengan doa dan kehadiran anda."

Jangan bergantung pada kekuatan kita sendiri

Dalam katekesisnya, Bapa Suci mengakui bahawa "dalam segala yang dipanggil oleh Tuhan kepada kita — sama ada dalam perjalanan hidup kita atau dalam perjalanan iman kita, kadang-kadang kita merasa tidak mencukupi."

Pembacaan Injil pada hari Minggu itu, "memberitahu kita bahawa kita tidak seharusnya bergantung pada kekuatan kita sendiri, sebaliknya pada belas kasih Tuhan yang telah memilih kita, yakinlah bahawa Roh Kudus membimbing kita dan mengajar kita segala-galanya."

Bapa Suci mengingatkan umat beriman bahawa Tuhan menawarkan penghiburan dan kedamaian walaupun di tengah-tengah kebimbangan dan kesusahan.

"Pada malam sebelum kematian-Nya, Sang Guru yang

gelisah dan tertekan bertanya kepada para Rasul bagaimana mereka akan dapat meneruskan dan menjadi saksi kepada Kerajaan Tuhan?

Yesus kemudiannya mengumumkan pemberian Roh Kudus berserta janji yang luar biasa ini: 'Sesiapa mengasihi Aku, dia akan mematuhi firman-Ku, dan Bapa-Ku akan mengasihi dia, dan Kami akan datang kepadanya dan tinggal bersamanya'."

Tuhan memegang tangan kita

Tuhan yang bersemayam dalam diri kita ini, iaitu Roh Kudus, "memegang tangan kita dan membolehkan kita merasai kehadiran dan kedekatan Tuhan dalam kehidupan kita seharian."

Bapa Suci mengamati, "Adalah indah bahawa, apabila kita melihat panggilan kita dengan melihat kepada realiti dan orang-orang yang dipercayai kepada kita, pada komitmen yang kita laksanakan dan pada pelayanan kita di Gereja, setiap seorang daripada kita boleh dengan yakin berkata: walaupun saya lemah, Tuhan tidak malu dengan kemanusiaan saya."

"Sebaliknya, Tuhan datang untuk tinggal dalam diri kita. Dia menemani kita dengan Roh-Nya, menerangi dan menjadikan kita alat kasih-Nya untuk orang lain, untuk masyarakat, dan untuk dunia," kata Sri Paus Leo.

Marilah kita berjalan dalam kegembiraan iman

Pada akhir katekesisnya, Sri Paus Leo berseru, "Sematkan ini dalam fikiran kita, Tuhan tinggal dalam diri kita. Oleh sebab itu, marilah kita berjalan dalam sukacita iman, dalam kekudusan dan marilah kita komited untuk membawa kasih-Nya ke mana-mana." **Media Vatikan**

Penginjin Digital diraikan semasa Jubli Belia

ROMA: Vatikan telah mengumumkan Jubli khas untuk para misionari digital dan pengengaruh Katolik, yang dijadualkan pada Julai 28-29, 2025, sebagai sebahagian daripada Jubli Belia.

Inisiatif ini diketuai oleh Dikasteri untuk Komunikasi sebagai tindak balas kepada arahan daripada Sinode tentang Sinodaliti.

Acara ini bertujuan untuk mengumpulkan mereka yang terlibat dalam penginjilan melalui platform digital—sama ada pekerja pastoral dalam pelayanan digital dan pencipta kandungan Katolik yang menggunakan media sosial untuk berkongsi nilai-nilai Injil.

"Acara ini ditujukan kepada semua yang menyumbang kepada misi penginjilan di ruang digital dengan kreatif," kata Dr Paolo Ruffini, Prefek Dikasteri untuk Komunikasi.

Ia juga merangkumi "mereka yang terlibat secara langsung dalam pelayanan pastoral digital dan untuk pengengaruh Katolik kerana melalui kehadiran mereka di media sosial, telah banyak menginspirasi orang, membina komuniti, menyampaikan berita-berita terkini Gereja sejagat serta menyampaikan nilai-nilai yang berakar pada iman Kristian.



Kredit Gambar: Angelus.

Acara dua hari itu akan dibuka dengan sesi pembentukan dan persiapan rohani, diikuti dengan hari yang tertumpu pada sambutan Jubli, perkongsian pengalaman, dan komitmen misi yang diperbaharui.

Pendaftaran kini dibuka melalui www.digitalismissio.org.

Peserta dijangka menanggung kos perjalanan, penginapan dan kos acara mereka sendiri. Dr Ruffini menyatakan harapan bahawa perhimpunan itu akan membantu Gereja mengukuhkan kehadiran misi dalam budaya digital. **Media Vatikan**

Niat sebenar kebaikan kita

Watak utama dalam drama T.S. Eliot bertajuk "Murder in the Cathedral" adalah Thomas Beckett, seorang uskup, yang dari setiap penampilan luarannya kelihatan seorang santo.

Dia sangat jujur, pemurah hingga ke tahap yang melampau dan seorang pembela iman yang mati sebagai seorang martir.

Namun, pada suatu ketika dalam hidupnya, sebelum dia menjadi martir, dia menyedari bahawa dia mungkin tidak tahu membezakan antara godaan dan rahmat.

Ramai daripada kita biasa dengan kata-katanya yang terkenal ini:

Godaan terakhir adalah pengkhianatan terbesar:

Melakukan perbuatan baik atas niat yang salah. ...

Kerana mereka yang berjuang demi tujuan mulia

Mungkin berniat bahawa tindakan itu akan memberi kemuliaan kepada mereka.

Adakah anda sedar apakah tindakan yang kelihatan seperti rahmat tetapi sebenarnya tidak?

Secara ringkas, kita boleh melakukan banyak kebaikan tetapi dengan matlamat yang salah.

Perkara ini boleh menjadi sangat halus; terutamanya bagi mereka yang berkhidmat untuk tujuan yang lebih besar, kerana, seperti yang ditunjukkan oleh T.S. Eliot, adalah mudah untuk menjadikan matlamat itu 'berkhidmat' untuk kita.

Bagaimana kita boleh menjadikan matlamat atau perjuangan itu, pada akhirnya memberikan kita kebaikan?

Bagaimana kita boleh melakukan kebaikan atas sebab yang salah?

Berikut adalah contoh: *Saya boleh melakukan banyak perkara baik yang membantu orang lain dan memenuhi tujuan Tuhan di bumi ini.*

Saya boleh menjadi dermawan hingga ke tahap martir. Namun, bagaimana jika saya melakukan perkara-perkara itu (lebih kepada matlamat untuk mempromosikan kebaikan diri sendiri) kerana usaha itu akan membawa nama baik untuk saya, atau mungkin saya



melakukan perkara itu kerana ia bermoral dan benar, boleh memberikan saya pengiktirafan, pujian dan kekaguman dan akan meninggalkan nama baik di belakang saya?

Soalan-soalan ini dapat membantu kita menyelidik perbezaan antara godaan dan rahmat.

Saya boleh melakukan perkara yang betul dan, walaupun tidak melakukannya untuk sebab yang buruk, ia dapat memberi keuntungan untuk diri sendiri.

Saya boleh berkarya dan memperjuangkan kebaikan tetapi saya mahu kerana kebaikan-kebaikan yang saya telah berikan ini mendapat pulangan baik misalnya orang lain menyukai saya atau diberi pengiktirafan.

Mendiang Michael J. Buckley, seorang Yesuit (salah seorang mentor rohani utama dalam hidup saya) mendorong kita untuk melakukan pemeriksaan hati nurani dalam hal ini.

Adakah saya melakukan perkara-perkara untuk melayani Tuhan serta orang lain dengan ikhlas dan jujur atau adakah saya melakukannya untuk membuat diri saya kelihatan mulia dan berasa baik?

Dalam bukunya "What Do You Seek? The Questions of Jesus as Challenge and Promise (Apa yang kamu cari? Soalan-soalan Yesus sebagai Cabaran dan Janji), Buckley menulis: "Kerana, dalam seribu cara, mereka yang berjuang demi tujuan kesejahteraan bersama mungkin melakukan usaha itu demi pengiktirafan atau nama yang baik."

Perkara ini sukar dilihat kerana pada per-

ingkat awal, suatu tindakan atau kehidupan boleh menghasilkan perubahan yang tidak dijangka, tindakan-tindakan murni begitu menyerlah tetapi tanpa disedari, tujuan sebenar tindakan baik itu ada semangat tersembunyi yang jahat kerana tersembunyi cita-cita dan semangat tidak baik.

Keinginan untuk berjuang akan sesuatu yang baik dengan ikhlas, boleh bercampur aduk dengan keinginan mahukan kemuliaan atau pengiktirafan ketika berjuang memberi kebaikan kepada semua.

Sebagai seorang paderi yang telah melayani selama lebih daripada lima puluh tahun, saya mendapati ini adalah prisma yang sangat mencabar untuk menilai diri saya dan menilai lebih daripada lima puluh tahun pelayanan kepaderian saya.

Sejauh mana saya telah berkhidmat untuk tujuan yang lebih besar dan sejauh mana menjadikannya 'berkhidmat' untuk saya? Siapa yang lebih menang di sini: Tuhan dan Gereja atau saya dan nama baik saya?

Apatah lagi, kita jarang dapat meneka motivasi seseorang dan dalam setiap perjuangan demi kebaikan, ia sentiasa dikaitkan dengan kebaikan dan kemurahan hati yang mulia.

Kita mempunyai sekumpulan motivasi yang bercampur aduk, ada yang melayani orang lain dan ada yang melayani diri sendiri; dan seperti yang dinyatakan dengan bijak oleh Buckley, pada mulanya motivasi atau niat sebenar itu kelihatan serupa.

Yesus sendiri pernah menyatakan beberapa

ucapan yang menjelaskan bahawa kita harus melakukan perkara dengan niat yang betul demi kebaikan bersama, bukan melakukan kebaikan hanya kerana ia boleh memberikan kita nama yang baik.

Sebagai contoh, Yesus berkata bahawa bukan semestinya mereka yang menyeru Tuhan... Tuhan ... yang akan memasuki kerajaan syurga, tetapi mereka yang sebenarnya melakukan kehendak Bapa di bumi yang akan memasuki kerajaan Tuhan (Matius 7, 21).

Yesus juga mengajar bahawa pada akhirnya, kita akan dihakimi berdasarkan bagaimana kita melayan orang miskin (Apa yang kamu lakukan kepada orang miskin, kamu lakukan kepada-Ku), perhatikan bahawa kedua-dua kumpulan iaitu kumpulan yang melakukan dengan betul dan yang melakukan dengan salah atau tidak tahu secara jelas apa yang mereka lakukan. Kedua-dua kumpulan ini akan diberi ganjaran atau dihukum berdasarkan tindakan mereka (Matius 25)

Jadi, adakah kita melakukan perkara yang betul tetapi dengan sebab yang salah?

Dan, jika kita melakukannya bukan kerana kerelaan atau keikhlasan hati tetapi demi penghormatan, nama baik, perasaan baik tentang diri kita sendiri, alangkah sedih dan buruknya ini?

Adakah sikap itu akan merendahkan atau memusnahkan kebaikan yang kita lakukan?

Adakah keinginan untuk dihormati, mahukan nama baik dan perasaan baik tentang diri kita benar-benar bertentangan dengan altruisme?

Adakah kedua-duanya boleh 'bersahabat' antara satu sama lain? Adakah Tuhan menilai kita lebih berdasarkan motivasi kita daripada tindakan kita?

Adakah saya melayani atau memperjuangkan sesuatu perkara demi tujuan yang lebih besar atau adakah tujuan sebenar saya untuk mendapat pujian?

Ini adalah soalan kritikal untuk refleksi diri. Mengapa? Kerana mudah untuk buta terhadap hipokrasi kita sendiri, sama seperti mudah untuk terlalu tegas pada diri kita sendiri.

Hakcipta Terpelihara 1999-2025@Fr Ron Rolheiser

Roh Kudus sertai penziarahan hidup kita

Lima puluh hari sesudah Yesus naik ke syurga, murid-murid-Nya bersama Maria berhimpun sambil berdoa dan menantikan pencurahan Roh yang dijanjikan Yesus.

Kisah para Rasul menceritakan peristiwa kedatangan Roh Kudus dalam bentuk bagaikan suatu tiupan keras dari langit, dan tampaklah bagaikan lidah-lidah api yang hinggap di atas murid-murid Yesus itu.

Bukan hanya murid-murid Yesus yang berkumpul di suatu ruang, pelbagai suku dan bangsa dari segala jurusan bumi, yang ada di Yerusalem telah melihat serta mengalami peristiwa itu.

Semua dan setiap orang dapat saling mendengar dan memahami satu sama lain menurut bahasa masing-masing. Singkatnya: pewartaan Khabar Gembira (Injil) Yesus Kristus ditujukan kepada semua bangsa tanpa perbezaan. Injil Kristus sungguh universal.

Bacaan-bacaan Kitab Suci dalam merayakan Hari Raya Pentakosta turut menyampaikan beberapa pesan penting.

Pertama: Kenaikan Yesus ke syurga bukan berarti Dia meninggalkan pengikut-pengikut-Nya. Dia pergi untuk memenuhi janji-Nya dan hadir dengan perubahan cara atau bentuk kehadiran-Nya di tengah-tengah

umat-Nya di seluruh dunia ini.

Sekarang Dia hadir secara rohani, walaupun tidak kelihatan tetapi Dia hadir. Sebagai Roh, Kristus tidak lagi terikat atau terbatas kehadiran-Nya di suatu tempat atau hanya pada salah seseorang belaka, melainkan menyentuh semua orang tanpa batas, pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Dengan bentuk inilah Yesus Kristus dalam Roh-Nya dapat melaksanakan karya penyelamatan-Nya secara universal, kepada sesiapa pun secara tidak terbatas dan secara "katolik". Setiap orang disapa oleh-Nya atau oleh pengikut-Nya sesuai dengan "bahasa suku dan bangsa-nya" untuk menerima tawaran-Nya untuk diselamatkan.

Kedua: Dalam suratnya kepada umat di Korintus, Paulus menegaskan bahawa karunia-karunia Tuhan ada pelbagai namun hanya ada satu Roh.

Seperti Kristus oleh Paulus diumpamakan sebagai satu tubuh, demikian pula Gereja merupakan satu tubuh, meskipun banyak anggotanya.

Dan kepada umat di Roma, Paulus menegaskan, bahawa kehidupan kerohanian Kristiani yang sejati atau autentik hanyalah mungkin apabila diukur dan dihayati menurut Roh, bukan menurut daging.

Hidup menurut daging berarti hanya

hidup mengikuti nafsu, keinginan sementara dan memperhatikan kepentingan diri melulu.

Paulus mengajak kita hidup juga menurut Roh. Roh inilah yang memberi kekuatan, yang menjaga dan memperkuat dirinya bukan hanya sebagai manusia biasa, melainkan sebagai manusia rohani/batin yang hidup selamanya.

Dengan diperkuat dengan Roh, manusia tidak akan mudah menjadi hamba keinginan atau nafsu duniawinya belaka.

Ketiga: Merayakan Hari Raya Pentakosta dengan benar dan sungguh-sungguh berarti bersedia dan bertekad untuk hidup, bersikap dan bertindak seperti para rasul.

Para rasul itu adalah orang-orang biasa, sederhana, bukan orang-orang terdidik dan terpelajar, bukan orang-orang berkedudukan tinggi.

Tetapi berkat kekuatan Roh Kuduslah mereka berani meneruskan dan melaksanakan tugas mewartakan Yesus Kristus Penyelamat kepada semua orang sampai ke hujung bumi.

Dengan kekuatan Roh Kudus, setiap orang yang sungguh percaya dan mengasihi Yesus Kristus, harus mahu dan bersedia merasul. Masing-masing menurut "bahasa peribadi dan hidupnya sendiri. Kita semua mendengar mereka berbicara dalam bahasa

**HARI RAYA
BESAR
PENTAKOSTA**

KISAH PARA RASUL 2:1-11

ROMA 8:8-17

INJIL YOH 14:15-16.23B-26

kita sendiri tentang perbuatan-perbuatan besar yang dilakukan oleh Tuhan" (Kis 2:11).

Peristiwa Pentakosta 20 abad yang lalu oleh Tuhan, harus diaktualisasikan lagi. Dalam konteks keadaan negara dan masyarakat kita sekarang ini, dan di manapun, Roh Kristus mahu mendorong kita, sebagai Gereja umat Tuhan untuk aktif mengambil bagian dalam memperkenalkan ajaran, hidup, sikap dan perbuatan Yesus Kristus sebagai Penyelamat kepada semua orang, masing-masing sesuai dengan bahasa hidupnya.

Bukan setakat menjadi orang Katolik bagi diri sendiri saja, tetapi sekaligus meneruskan keyakinan iman kita kepada sesiapa sahaja melalui peribadi, tingkah laku, tutur kata dan perbuatan yang dijiwai oleh Roh yang satu dan sama. **Msgr. F.X. Hadisumarta O.Carm.**

Gereja tekad akhiri perhambaan moden

KUALA LUMPUR: Pejabat untuk Pembangunan Manusia (AOHD) Keuskupan Agung Kuala Lumpur telah menganjurkan sebuah ceramah bertajuk “Pemerdagangan Manusia, Perhambaan Zaman Moden dan Memperkasakan Mangsa” baru-baru ini di Cahayasuara.

Seramai 90 peserta dari pelbagai Gereja, pertubuhan bukan kerajaan dan orang awam telah hadir.

Penceramah utama ialah Anson Thomas dari India, seorang bekas Pegawai Kastam dan pemain hoki kebangsaan yang meninggalkan pekerjaan kerajaan setelah merasakan panggilan Ilahi untuk melayani yang paling terpinggir. Bersenjata Alkitab dan keyakinan yang tebal, Anson telah menjelajah ke kawasan ‘lampu merah’ di India untuk mendekati wanita dan gadis yang terperangkap dalam rumah pelacuran, berusaha untuk menyelamatkan dan memulihkan



mereka.

Walaupun menghadapi ancaman terhadap nyawanya dan tentangan daripada ahli politik serta penguatkuasa undang-undang, Anson terus berjuang kerana percaya ini ialah karya Tuhan. Selama bertahun-tahun, beliau telah menyelamatkan kira-kira 800 wanita muda dan gadis remaja serta mempunyai pengalaman luas dalam menangani pemerdagangan manusia.

Selain Anson, Jerald Joseph, bekas Pesuruhjaya SUHAKAM;

Adrian Pereira, Pengarah Eksekutif Inisiatif Utara-Selatan (NSI); dan Alya Zulaikha, bekas Pegawai Program Tenaganita turut dijemput hadir.

Perbincangan tersebut meneroka pelbagai bentuk pemerdagangan manusia di India dan Malaysia.

Anson menekankan bahawa tidak semua mangsa pemerdagangan manusia adalah tidak berpendidikan atau miskin. Ramai yang merupakan wanita muda berpendidikan yang berpindah ke bandar-

bandar besar mencari peluang yang lebih baik, tetapi akhirnya menjadi mangsa pemerdagangan manusia.

Untuk meningkatkan kesedaran, Anson turut melibatkan atlet dan selebriti untuk berjalan di jalanan bersamanya dan berhubung dengan kanak-kanak serta keluarga yang tinggal di kawasan ‘lampu merah’ ini.

Usaha Anson telah diiktiraf dan membawanya kepada Anugerah Wira Sebenar CNN dan Reliance Industries pada tahun 2009. Beliau

juga menghasilkan sebuah filem berdasarkan pengalamannya, bertajuk “Pledged to Protect.”

Selepas ceramah tersebut, satu perbincangan panel yang dikendalikan oleh Elise Arya Chen dari *Young Lives* yang mengumpulkan pakar-pakar Asia Tenggara untuk berkongsi pengalaman mereka bekerja dengan mangsa dan berinteraksi dengan pihak berkepentingan, termasuk badan kerajaan. Sesi tersebut juga menjelaskan cabaran yang dihadapi oleh para aktivis dan menekankan keperluan mendesak untuk kesedaran awam serta tindakan kolektif.

Selepas sesi, ramai peserta yang terbuka mata melihat pelbagai isu pemerdagangan manusia serta menyatakan penghargaan dan sokongan mereka terhadap usaha tanpa henti para aktivis kemanusiaan yang bekerja untuk memeringi perhambaan moden ini.

Pendidik Katolik diseru didik generasi bersahsiah murni



PETALING JAYA: Persatuan Guru-Guru Katolik Malaysia (CTAM) meraikan Hari Guru tahunan mereka pada Mei 17, 2025, di Gereja St Francis Xavier.

Acara tersebut dimulakan dengan Misa senja yang dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow, diikuti ceramah daripada penceramah jemputan Franklin Morais, seorang pendidik dan calon PhD.

Liturgi tersebut mencerminkan dengan mendalam panggilan mereka sebagai pendidik. Uskup Agung Julian juga menekankan Salib dan kasih Kristus sebagai

pusat identiti pendidik Katolik. Prelatus menekankan bahawa guru adalah pembawa nilai-nilai Kristian — dan sejagat — yang membentuk bukan sahaja minda tetapi juga hati dan sahsiah dalam bilik darjah.

Turut membantu Uskup Agung Julian dalam Misa ialah pembantu Eklestial CTAM, Fr Alvin Ho, SJ.

Pada akhir Misa, semua guru dijemput ke altar untuk menerima berkat daripada Uskup Agung.

Selepas Misa, perayaan diteruskan dengan sebuah ceramah

yang selaras dengan tema tahun ini, “Guru Memacu Pembaharuan Pendidikan.”

Franklin Morais merujuk kepada Kitab Suci untuk menekankan peranan transformasi pendidik Kristian, menekankan kebijaksanaan, pembaharuan dan identiti dalam Kristus.

Franklin menegaskan bahawa guru bukan sekadar penyampai pengetahuan tetapi pemangkin perubahan, dipanggil untuk menginspirasi transformasi dalam kalangan pelajar dan masyarakat.



Pesta Kaamatan ajak umat berjalan bersama dalam kesyukuran dan harapan

LIMBAHAU, Papar: Sebuah Gereja kecil di kampung Langan iaitu Gereja St Linus, telah menjadi tuan rumah sempena Pesta Menuai atau Kaamatan paroki Holy Rosary, Limbahau pada Mei 5, 2025. Zon Langan yang terdiri daripada gabungan Komuniti Pastoral Umat Katolik (KPUK) Kambizaan, Kayau dan Langan sendiri.

Dengan tema, “Berjalan Bersama Dalam Pengharapan, Menghidupi Kebudayaan Sebagai Satu Keluarga Menurut Ajaran Gereja”, seramai 600 umat dari seluruh paroki menghadiri acara yang dimulakan dengan Misa Kudus.

Misa dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen dan dibantu oleh Fr Lasius Gantis.

Caritas anjur bengkel fotografi dan videografi

MELAKA: Memperoleh semangat Caritas bukan sekadar tentang logistik dan laporan tetapi juga menyampaikan kisah-kisah kemanusiaan.

Atas kesedaran acara-acara yang menginspirasi tetapi seringkali tidak dirakam dengan baik atau kurang visual, tidak dapat menggambarkan inti misi Caritas.

Oleh sebab itu, Caritas Keuskupan Melaka Johor (MJD) telah menganjurkan Bengkel Fotografi dan Videografi pada Mei 10 di Johor dan Mei 11 di Melaka.

Bengkel ini bertujuan mel-

atih individu yang bersemangat dalam penceritaan visual serta membina satu pasukan sokongan media yang kukuh bagi mendokumentasikan kerja-kerja misi sosial Caritas MJD dengan lebih berkesan.

Seramai 60 peserta ke bengkel yang menampilkan latihan praktikal dan penekanan yang jelas terhadap penciptaan kandungan yang berlandaskan tujuan.

Para peserta bukan sahaja belajar aspek teknikal fotografi dan videografi, malah turut diajar bagaimana untuk menyampaikan cerita yang bermakna melal-

ui imej—cerita yang mencerminkan belas kasihan, maruah dan ketabahan mereka yang dibantu.

Dua orang pelatih yang berpengalaman dari Pulau Pinang, Asher Leo dan Michael Chong—telah dijemput mengendalikan bengkel itu.

Caritas MJD berharap bengkel ini menjadi titik permulaan kepada satu inisiatif untuk membina satu kumpulan jurugambar dan juruvideo sukarelawan yang boleh menyokong pelbagai pelayan di Gereja dan aktiviti Caritas MJD.




Sahabat kecil Yesus

PESTA PENTAKOSTA


JUN 8, 2025

Mari Mewarna

Sambungkan titik-titik pada gambar ini dan jangan lupa mewarnakannya.



Bantu kanak-kanak pada gambar di bawah untuk menuju kepada Yesus.



Kisah Para Rasul 2: 1-11

Hello adik-adik, Apa khabar?

Sebelum Yesus kembali ke syurga untuk bersama Bapa-Nya, Dia memberitahu murid-murid-Nya bahawa mereka akan melakukan perkara-perkara yang lebih besar daripada yang Dia lakukan semasa berada di bumi.

Semasa di bumi, Yesus telah melakukan beberapa perkara yang sangat hebat, bukan? Dia menyembuhkan orang sakit, mengubah air menjadi wain, menyembuhkan orang buta dan orang tempang.

Bagaimana pula jika para murid melakukan seperti yang Yesus lakukan? Dari

manakah mereka mendapatkan kuasa untuk melakukan perkara-perkara hebat seperti itu?

Yesus telah berjanji kepada mereka bahawa Dia akan meminta kepada Bapa untuk menghantar Roh Kudus dan Roh Kudus akan memberi mereka kuasa untuk melakukan perkara-perkara yang hebat dan berkuasa.

Maka, pada hari yang dipanggil Pentakosta, para murid berkumpul bersama di satu tempat. Kitab Suci memberitahu kita bahawa ada bunyi dari syurga



seperti angin kencang yang kuat dan ia memenuhi tempat di mana para murid berkumpul.

Kemudian, muncul nyala api yang kelihatan dan hinggap di atas setiap kepala para rasul dan Bonda Maria. Setelah itu, para murid dipenuhi dengan kuasa dan mampu mengajar tentang Yesus. Mereka mampu melakukan perkara-perkara yang tidak pernah mereka lakukan sebelum ini kerana kuasa Roh Kudus dalam diri mereka. Adik-adik, kita juga dianugerahkan

dengan kuasa yang sama melalui pembaptisan dan krisma. Kita yang merupakan anak-anak Tuhan mempunyai kuasa untuk melakukan perkara-perkara yang hebat dan berkuasa, bukan dengan kekuatan kita sendiri, tetapi melalui kuasa Roh Kudus yang ada dalam diri kita.

Adik-adik, marilah berdoa agar kita akan terus dipenuhi dengan kuasa Roh Kudus seperti mana yang dialami oleh para murid pada hari Pentakosta. Dalam nama Yesus kita berdoa. Amin.

Salam Sayang Antie Melly



BELIA



Orang sakit bukan beban

HOLY ROSARY LIMBAHAU, Papar: 'Sesungguhnya, Aku berkata kepadamu, apabila kamu melakukannya kepada yang paling kecil antara saudara-Ku ini, ertinya kamu melakukannya kepada-Ku.'

Sebelum Hari Minggu Pentakosta lalu, seramai 40 orang belia paroki Holy Rosary, Limbahau (HRL) telah mengunjungi beberapa orang sakit, warga emas dan golongan miskin.

Program yang dinamakan *Easter*

Outreach 2.0 ini bertujuan membawa sukacita Paskah dengan meluangkan masa melalui berdoa bersama dengan keluarga yang dilawati.

Para belia juga membawa sumbangan barangan keperluan yang dikumpulkan daripada para umat yang bermurah hati.

Melalui *Easter Outreach 2.0* ini, para belia diingatkan bahawa pertemuan dengan golongan miskin dan orang sakit mendedahkan inti sebenar kehidupan Kristian —

iaitu berbelas kasih.

Dengan melayani dan mendengar mereka yang memerlukan membantu para belia memupuk sikap prihatin dan mengikis sifat mementingkan diri sendiri serta menyedarkan mereka bahawa orang sakit bukan beban sebaliknya peluang bagi mereka untuk menabur kasih.

Para belia yang menyertai program ini meluahkan rasa syukur dan terharu kerana setiap kunjungan mereka menghadirkan

kasih Kristus kepada yang dilawati.

Realiti kemiskinan dan penderitaan orang sakit menyedarkan para belia menghargai berkat-berkat yang sering diabaikan misalnya kesihatan sendiri, keluarga dan orang-orang di sekeliling kita.

Pada akhir program *Easter Outreach 2.0*, para belia HRL mengalami sukacita membawa Berita Baik kepada orang miskin, penyembuhan kepada yang patah hati dan penghiburan kepada yang menderita.

Kisah pertemuan dengan Kristus

PENGALAMAN SERTAI JUBLI PARA REMAJA DI VATIKAN

Menyertai *Jubilee of Teenagers* di Vatikan adalah pengalaman iman yang luar biasa dan tidak dapat dilupakan dalam hidup saya. Saya datang bersama rombongan remaja dari pelbagai negara, semua dengan satu semangat: merayakan iman, pengharapan dan cinta di Tengah-tengah dunia yang penuh cabaran ini.

Salah satu pengalaman paling mendalam ialah saat saya dapat melangkah kaki melalui Pintu Suci di Basilika Sto Petrus, Basilika Santa Maria Major, Basilika Sto Petrus dan Sto Paulus, Basilika Sto Paulus di Luar Tembok dan beberapa tempat lagi seperti Assisi, *Chapel Carlos Acutis* dan *Chapel St Clare* di Assisi.

Dengan hati yang penuh syukur, saya masuk sambil membawa doa-doa peribadi, pergelutan hidup dan harapan sebagai seorang paderi. Rasanya seperti benar-benar memasuki pelukan kerahiman Tuhan. Saya berasa diampuni, diperbaharui dan dikuatkan untuk terus berjalan dalam terang-Nya.

Misa penutup bersama ribuan remaja dari seluruh dunia menjadi lambang persaudaraan yang menyentuh hati. Kami berdoa, bernyanyi dan bersyukur ber-

Fr Stanley Matakim, paderi paroki St Dominic Lahad Datu dari Keuskupan Sandakan, teruja menghadiri Jubli para Remaja di Vatikan dan upacara kanonisasi Carlo Acutis. Namun, tanpa disangka, Sri Paus Fransiskus meninggal dunia pada April 21, 2025 dan Misa Kanonisasi Carlo Acutis juga ditunda.

Namun perjalanan ziarah Fr Stan tidak sia-sia, malah menjadi satu berkat lerana selain dapat menghadiri upacara penghormatan dan berkesempatan mengunjungi makam mendiang Sri Paus Fransiskus, beliau dapat berhimpun dengan para remaja sedunia serta mengunjungi pelbagai tempat rohani terkenal.

Berikut merupakan perkongsian Fr Stanley.

sama, merasakan Gereja sebagai rumah yang hidup dan penuh kasih.

Malahan ada perkara yang sangat menggetarkan jiwa saya, iaitu mempunyai kesempatan mengikuti penghormatan terakhir bagi arwah Bapa Suci Fransiskus. Kami menyampaikan doa, rasa terima kasih dan duka yang mendalam atas wafatnya, gembala tercinta yang begitu peduli terhadap kaum muda. Meskipun duka terasa begitu nyata, kami juga disemangati oleh warisan iman dan cinta yang ditinggalkannya.

Daripada pengalaman ini, saya ingin menyampaikan pesan kepada teman-teman muda, jangan takut untuk melayani,

jangan ragu untuk menyahut panggilan Tuhan dalam hidupmu.

Dunia memang penuh dengan cabaran dan suara-suara yang menyesatkan tetapi Tuhan memanggil kita bukan kerana kita sempurna melainkan kerana Dia ingin memakai hidup kita untuk menjadi berkat-Nya. Percayalah, melayani bukan beban tetapi kehormatan. Menjawab panggilan Tuhan bukan berarti kehilangan masa muda sebaliknya menemukan makna terdalam dari hidup ini. Marilah kita menjadi terang bagi dunia, mulai dari hal kecil dari tempat kita masing-masing. Tuhan memanggil, apakah kita mahu menjawab?



Khobar dari Asia



Religius wanita Vietnam perkukuh psikologi, penguasaan

HẢI PHÒNG, Vietnam: Lebih 100 religius wanita dari Vietnam Utara telah menyelesaikan kursus pembentukan selama seminggu yang direka untuk memperkukuh keupayaan mereka untuk membimbing calon dalam kehidupan religius.

Diadakan dari Mei 11 hingga 18 di Pusat Pastoral Keuskupan Hải Phòng, latihan intensif ini mengumpulkan 108 religius wanita dari 10 kongregasi.

la dianjurkan oleh Jawatankua-

sa Eksekutif Kesatuan Persekutuan Religius Wanita Utara Vietnam di bawah naungan Konferensi para Uskup Katolik Vietnam.

Program tersebut memfokuskan pada tiga bidang utama: psikologi mendalam dan antropologi dalam pembentukan keagamaan, pendampingan rohani yang berpusat pada cinta suami isteri untuk Kristus dan penglibatan semula dengan nasihat-nasihat Injil tentang kemiskinan, kesucian, dan ketaatan. **LiCAS News**

Ulang Tahun ke-50 misi Prado di Korea



SEOUL: Ulang tahun ke-50 para paderi misionari Prado di Korea telah disambut pada Mei 27, dengan Misa di Katedral Myeongdong, yang dipimpin oleh Uskup Agung Peter Chung Soon-taick dari Seoul.

Liturgi tersebut mengumpulkan para paderi, religius dan anggota awam Institut Sekular Prado untuk memperingati setengah abad pelayanan kepada orang miskin yang berakar dalam spiritualiti Berbahagia Antoine Chevrier.

Antoine Chevrier mengasaskan komuniti Prado di Perancis pada abad ke-19.

Dalam homilinya, Uskup Agung

Chung merenungkan nilai-nilai teras misi Prado bahawa para paderi Prado “menghidupkan misi mereka dengan mewujudkan semangat palungan, simbol kemiskinan; salib, simbol pengorbanan, pengorbanan, dan kematian; dan tabernakel, simbol Ekaristi dan kehidupan.”

“Dibimbing oleh Roh Kudus, mereka mengamalkan pilihan keutamaan untuk orang miskin,” tambahnya.

Prelatus itu juga menghargai sumbangan komuniti kepada Gereja Korea selama beberapa dekad. **LiCAS News**



Seminar antara agama bagi atasi krisis

BANGKOK: Perwakilan agama utama Thailand berkumpul untuk seminar antara agama yang bersejarah dari Mei 19-21 bagi menumpukan “Latihan Pemimpin Agama untuk Menghadapi Cabaran Masyarakat Moden.”

Acara tersebut dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Jabatan Hal Ehwal Agama, dan Pusat Promosi Moral.

Perhimpunan tersebut menarik 62 wakil dari lima tradisi agama utama—Buddha, Islam, Kristian, Hindu dan Sikh.

Seminar ini bertujuan untuk membekalkan pemimpin agama dengan pelbagai sarana menangani cabaran moral dan sosial

masyarakat Thailand kontemporari.

Dalam ucapannya, Fr Chalongrat Sankarat, Ketua Suruhanjaya Dialog Antara Agama Konferensi Uskup Katolik Thailand (CBCT), menekankan bahawa matlamat utama seminar tersebut adalah untuk menganalisis lanskap moral semasa, mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh setiap agama dan meneroka penyelesaian praktikal berasaskan kepercayaan.

Seminar itu berakhir harapan para peserta meningkatkan komitmen untuk menghadapi cabaran etika dan sosial zaman kini dengan bekerja bersama merentasi sempadan agama. **LiCAS News**

Caritas anjur webinar akhiri krisis hutang global

ROMA: Pegawai kanan Vatikan, pemimpin masyarakat sivil, dan ahli ekonomi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa berkumpul secara maya dalam mesyuarat “townhall” untuk membincangkan cara mengakhiri krisis hutang global yang terus mengekalkan berjuta-juta orang dalam kemiskinan.

Dianjurkan oleh *Caritas Internationalis* dan Dicastery Vatikan untuk Memajukan Pembangunan Manusia Seutuhnya, acara ini bertajuk “Penziarah Harapan: Inspirasi Jubli untuk Tindakan terhadap Hutang, Iklim dan Pembangunan” diadakan di Roma pada Mei 28 lalu.

Ubah hutang menjadi harapan
Webinar ini adalah susulan kempen dunia *Caritas Internationalis*, “Turn Debt into Hope”, yang dilancarkan pada Disember 23, 2024.

Dalam konteks Tahun Jubli Harapan, pemimpin agama dan pakar dasar membicarakan

bagaimana Tahun Suci “memberikan visi untuk mengakhiri krisis hutang global.”

Matlamat kempen ini adalah untuk menarik perhatian kepada “krisis hutang global yang sedang berlaku tetapi senyap - satu krisis yang pada akhirnya adalah mengenai pembangunan, bukan sekadar kewangan” kerana lebih daripada 3.3 bilion orang tinggal di negara-negara di mana kerajaan membelanjakan lebih untuk membayar hutang mereka daripada memperbaiki perkhidmatan awam asas seperti pendidikan dan penjagaan kesihatan.

Mesyuarat maya itu juga bertepatan dengan ulang tahun ke-10 ensiklik *Laudato si’* Sri Paus Fransiskus dan mengenang seruan mendiang Bapa Suci Fransiskus pada Hari Keamanan Sedunia 2025 agar bantuan diberikan kepada negara-negara yang paling berhutang di seluruh dunia—“bukan” sebagai tindakan kemurahan hati tetapi sebagai tindakan keadilan.

Cadangan serta pertimbangan untuk meringankan beban hutang

Panelis dalam mesyuarat itu termasuklah Profesor Martin Guzmán dari Sekolah Hal Ehwal Antarabangsa dan Universiti Awam Columbia; Sr Alessandra Smerilli, Setiausaha Dikasteri untuk Mempromosikan Pembangunan Manusia Secara Menyeluruh; dan Uskup Agung Gabriele Giordano Caccia, Pemerhati Tetap Tahta Suci di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perbincangan memberi tumpuan kepada langkah-langkah yang harus diambil untuk meringankan beban hutang dan mereformasi sistem kewangan global dalam konteks Tahun Jubli.

Para panelis juga merenungkan ajaran Sri Paus Fransiskus tentang keperluan untuk meletakkan sistem kewangan pada perkhidmatan hak asasi manusia dan alam sekitar. **Media Vatikan**

Sabda Tuhan bukan diukir pada batu tetapi di hati kita

VATIKAN: Kita mesti mendengar orang lain, dan yang paling penting, mendengar suara Tuhan.

Itulah tumpuan homili Sri Paus Leo XIV semasa memimpin Misa di Basilika Agung St John Lateran, Katedral Uskup Roma pada malam Mei 25 lalu.

Pada awal homilinya, prelatus itu menekankan bahawa “Roma adalah pewaris sejarah yang hebat, berlandaskan kesaksian Petrus, Paulus dan ramai martir yang tidak terhitung, ia mempunyai misi yang unik, yang dinyatakan dengan sempurna oleh apa yang tertulis pada komponen katedral ini: untuk menjadi *Mater omnium Ecclesiarum*, Ibu kepada semua Gereja.”

Bapa Suci seterusnya memetik kata-kata mendiang Sri Paus Fransiskus yang sering “mengajak kita untuk merenungkan dimensi keibuan Gereja dan ciri-ciri penentunya: kelembutan, kesediaan untuk berkorban, dan kemampuan untuk mendengar yang bukan sahaja memungkinkan untuk membantu, tetapi sering kali untuk meramalkan keperluan dan harapan sebelum ia diungkapkan.”

“Ini adalah kualiti yang diharapkan akan terus berkembang dalam kalangan umat Tuhan di mana sahaja mereka berada — dan diharapkan dapat dikembangkan dalam keluarga keuskupan kita yang besar, lebih-lebih lagi dalam kalangan paderi dan yang paling penting, dalam diri saya sendiri,” tegas Sri Paus Leo XIV.



Mendengar suara Tuhan

Mengambil inspirasi daripada pembacaan pada hari tersebut yang menceritakan bagaimana komuniti Kristian awal menghadapi cabaran untuk berhadapan dengan dunia pagan demiewartakan Injil, Bapa Suci menekankan bahawa “dalam keseluruhan proses ini, sikap mendengar adalah paling penting. Dengan mendengar, kita dapat mendengar suara Roh Kudus yang berseru ‘Abba, Bapa,’ dan memahami orang lain sebagai saudara dan saudari.”

Dipandu oleh Roh

“Injil menegaskan bahawa Roh Kudus menyokong kita dan menunjukkan jalan yang harus diikuti dengan “mengajar” dan “mengingat” melalui ajaran-ajaran Yesus yang dapat kita baca melau-

lui Kitab Suci.

Pertama sekali, Roh mengajar kita kata-kata Tuhan dengan mengukirnya dalam hati kita. Hukum Tuhan tidak lagi ditulis pada batu, tetapi pada hati kita—sebuah hadiah yang membantu kita berkembang sehingga kita diubah menjadi “surat Kristus” untuk satu sama lain.

“Dan dengan demikian, kita semua lebih mampu untukewartakan Injil. Semakin kita membiarkan dan membenarkan diri kita ditakluk dan diubah olehNya, membiarkan kuasa Roh menyucikan kita dalam diri kita yang paling dalam, menjadikan kata-kata kita sederhana dan ikhlas, mendorong keinginan untuk jujur dan murni serta merangsang tindakan kita untuk bermurah hati serta berbelas kasihan.”

Media Vatikan

Belas kasihan terbantut kerana kesibukan

VATIKAN: Untuk menjadi orang yang mengasih, anda perlu terlibat dan bersedia untuk “bahkan menjadi ‘kotor’, mungkin mengambil risiko.”

Meneruskan renungannya tentang perumpamaan dalam Injil semasa Audiens Umum Rabu, Sri Paus Leo XIV menceritakan tentang seorang pemuda yang terpelajar dari Injil Lukas.

Bapa Suci berkata lelaki muda ini terlalu fokus pada dirinya sendiri dan mengabaikan orang lain.

Pemuda itu bertanya kepada Yesus, bagaimana dia boleh mewarisi kehidupan kekal. Sri Paus mengajak umat untuk merenung soalan yang lebih penting berbanding soalan pemuda kaya itu.

Siapakah yang telah aku cintai?

Sebelum menjawab soalan “bagaimana dapat mewarisi kehidupan kekal”, Yesus menceritakan terlebih dahulu sebuah perumpamaan. Perumpamaan itu juga mencetuskan soalan yang lebih penting iaitu “Siapa yang mencintai saya?” kepada “Siapa yang telah saya cintai?”

Sri Paus Leo XIV menjelaskan soalan “Siapa yang mencintai saya?” adalah tidak matang, manakala soalan kedua, mencerminkan kematangan serta memahami makna kehidupan.” Soalan pertama adalah tidak aktif, manakala yang kedua memerlukan tindakan.

Yesus juga berkongsi perumpamaan tentang Orang Samaria yang Baik, yang berlantaran jalan yang dilalui oleh seorang lelaki dari Yerusalem di atas gunung ke Yerikho, yang terletak di paras laut. Bapa Suci Leo menyamakan perjalanan ini dengan kehidu-

pan, menyebutnya sebagai “jalan yang sukar dan berbahaya.”

Dalam perjalanannya, lelaki itu dipukul, dirompak dan ditinggalkan untuk mati, keadaan yang boleh berlaku kepada kita apabila “mereka yang kita percayai — merampas atau mengambil segala-galanya daripada kita, menyebabkan kita rapuh atau lemah.”

Bukan isu agama

Menurut Sri Paus Leo, melalui pertemuan dengan orang lain, kita akan mengetahui siapa diri kita yang sebenar. Apabila kita bertemu dengan seseorang yang memerlukan, kita berhadapan dengan pilihan: “untuk menjaga mereka atau berpaling.”

Dalam perumpamaan itu, dua orang tersebut iaitu seorang imam dan seorang Lewi, yang kita sangka akan berhenti dan menjaga lelaki yang cedera itu, telah memilih untuk mengabaikannya.

Sri Paus Leo menunjukkan bahawa “amalan agama sahaja tidak secara automatik membawa kepada belas kasihan.” Ia bukanlah satu ciri agama tetapi satu ciri kemanusiaan. Manusia dipanggil untuk berbelas kasihan, tidak kira agama mereka.

Imam dan orang Lewi mewakili kita semua yang selalu tergesa-gesa untuk pulang ke rumah.

Sikap ini boleh menghalang kita daripada bersikap belas kasihan akibat sikap mementingkan diri, percaya bahawa perjalanan atau urusan mereka lebih penting sehingga tidak sanggup berhenti untuk orang lain.”

Belas kasihan = mengambil risiko

Hanya seorang Samaria, “seseorang dari



kaum yang secara tradisional dihina,” berhenti untuk membantu lelaki yang cedera itu.

Orang Samaria itu membantu, bukan kerana keperluan agama, tetapi kerana “dia adalah seorang manusia di hadapan seorang manusia yang memerlukan.”

Bapa Suci Leo menegaskan bahawa belas kasihan mengambil bentuk melalui tindakan konkrit, kerana untuk membantu seseorang, “anda tidak boleh hanya berdiam diri dari jauh.” Orang Samaria adalah contoh belas kasihan kerana secara fizikal, menjaga lelaki yang cedera.

Sri Paus Leo XIV menekankan bahawa membantu seseorang dengan sungguh-sungguh “bermaksud bersedia untuk merasakan beratnya kesakitan orang lain.”

Prelatus itu menekankan bahawa hanya apabila kita mengakui bahawa kita sendiri adalah lelaki yang lemah, terluka, barulah kita dapat merasakan belas kasihan yang sebenar. **Media Vatikan**

PENULIS BERKICAU

ASEAN tumpu krisis Myanmar

Baru-baru ini, menteri-menteri Luar ASEAN berhimpun di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-46. Salah satu mesyuarat penting dalam ASEAN ialah usaha mencari penyelesaian damai dan inklusif bagi krisis Myanmar.

Menurut laporan media tempatan, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, para menteri bersetuju untuk terus berinteraksi dengan semua pihak berkepentingan di Myanmar bagi mencapai penyelesaian jangka panjang yang berdaya maju terhadap krisis berlarutan di negara itu.

Sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia merancang untuk mengadakan lawatan dan perbincangan secara langsung dengan kerajaan Myanmar kerana sebelum ini, telah ada usaha pertemuan dengan pelbagai kumpulan dan pihak berkepentingan,” katanya kepada media selepas menghadiri Konsultasi Tidak Rasmi mengenai Pelaksanaan Konsensus Lima Perkara yang disertai Pengerusi ASEAN terdahulu, semasa dan akan datang – Laos, Malaysia dan Filipina.

Krisis Myanmar tercetus susulan rampasan kuasa tentera pada Februari 2021 yang menggulingkan pemimpin Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD), Aung San Suu Kyi, yang dipilih secara demokratik.

Susulan itu, ASEAN mengambil keputusan mengecualikan pemimpin kerajaan Myanmar daripada menyertai sidang kemuncak dan mesyuarat menteri sejak tiga tahun lalu.

Bagaimanapun, pegawai kanan Myanmar masih dibenarkan menyertai mesyuarat perseediaan. Delegasi Myanmar ke Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 telah diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian Luar, Aung Kyaw Moe.

ASEAN telah meluluskan Konsensus Lima Perkara pada 2021 untuk menangani krisis Myanmar, meliputi penghentian segera keganasan, dialog inklusif antara semua pihak, pelantikan utusan khas, bantuan kemanusiaan dan lawatan utusan khas ke Myanmar.

Sementara itu, walaupun mengalami penderitaan yang dramatik, Gereja Katolik di Myanmar tetap mengekalkan iman dan harapan.

Fr Stephen Chit Thein, Pengarah Kebangsaan Persatuan Misi Kepausan di Myanmar, bercakap kepada agensi, dengan menyatakan, negaranya sedang terbahagi.

Sebagai contoh, di Yangon, katanya, situasinya agak tenang dan aktiviti pastoral diteruskan di Gereja meskipun sentiasa ada perintah berkurung serta sekatan-sekatan lain, namun mereka terus menghidupkan iman.

Situasi berbeza di kawasan-kawasan sempadan akibat ada pertempuran yang berterusan, penderitaan dan pengusiran.

Fr Stephen berkata, “Kami sedang hidup dalam era ujian besar, yang melibatkan seluruh rakyat Myanmar tetapi harapan kami seperti tema khas Tahun Jubli ini mengingatkan kita Harapan yang berakar pada Kristus, tidak pernah mengecewakan dan tidak pernah meninggalkan kita.”

Jus rohani untuk jiwa

Pentakosta adalah peristiwa yang dicatat dalam Kisah Para Rasul sebagai peristiwa apabila para murid dan semua orang yang percaya kepada Kristus mengalami kepenuhan Roh Kudus (Kis 2:1-4); dan sejak saat itu mereka tidak takut lagi untuk bersaksi tentang Kristus.

Peristiwa Pentakosta tersebut dapat kita alami pada masa ini iaitu dalam sakramen Krisma/Penguatan kerana melalui sakramen tersebut kita menerima kepenuhan Roh Kudus dan penyempurnaan rahmat Baptisan, serta dikuatkan menjadi saksi Kristus.

Melalui sakramen Penguatan, para rasul menyampaikan kepada kita, yang telah menjadi anggota Gereja melalui Pembaptisan, kepenuhan Roh Kudus berserta dengan karunia-Nya, demi menyempurnakan rahmat Pembaptisan tersebut.

Katekismus Gereja Katolik 1288 menyatakan: “Mulai dari saat ini para Rasul menyampaikan kepada mereka yang baru dibaptis, sesuai dengan kehendak Kristus, oleh peletakan tangan, karunia Roh demi penyempurnaan rahmat Pembaptisan (Kis 8:15-17;19:5-6).

Surat kepada umat Ibrani menyebut antara unsur-unsur pengajaran Kristian pertama adalah mengenai Pembaptisan dan mengenai peletakan tangan (Ibr 6:2). Peletakan tangan ini dalam tradisi Katolik tepat sekali dipandang sebagai awal Sakramen Penguatan, yang melanjutkan rahmat Pentakosta di dalam Gereja atas satu cara tertentu” (Paulus VI, Konst. Ap. “*Divinae consortium naturae*”).



Misteri penumpangan tangan

Namun setelah kita menerima Roh Kudus, sama ada dalam sakramen Pembaptisan mahupun dalam sakramen Penguatan, kita masih tetap dapat memperoleh pencurahan Roh Kudus.

Sebab dalam kerohanian dan jiwa kita, serta Roh Kudus bukanlah “barang material” yang jika sudah penuh diberikan, maka tidak dapat ditambahkan lagi.

Roh Kudus yang sudah secara penuh diberikan dalam sakramen Pembaptisan dan Penguatan dapat terus dicurahkan kepada kita sebagai anggota Gereja.

Oleh itu, kita mohon pencurahan Roh Kudus setiap kali merayakan hari Pentakosta, dalam persekutuan doa atau

secara peribadi sebelum kita membaca Kitab Suci, atau bahkan setiap hari sebelum memulai kegiatan kita sehari-hari.

Meskipun demikian, perlu kita sedari pencurahan Roh Kudus yang terjadi di luar sakramen tidak dapat menggantikan sakramen itu sendiri.

Sebab efek sakramen Krisma, yang memberi karakter di jiwa, menjadi penyempurnaan rahmat Baptisan, dan menjadi sarana penyaluran rahmat Tuhan sebagaimana diturunkan kepada para Rasul, tidak dapat digantikan dengan doa pencurahan Roh Kudus di luar sakramen ataupun dengan penumpangan/peletakan tangan oleh awam. **katolisitas**

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian anda.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Anda boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my

atau WhatsApp: 011-26391498



Memanfaatkan peluang untuk melakukan perubahan

KUALA LUMPUR: Pelayan Penjara lebih daripada sekadar melawat banduan untuk berkongsi sabda Tuhan atau kaunseling. Ia tentang berjalan bersama para tahanan menuju pemulihan, rehabilitasi dan berintegrasi semula dalam kalangan masyarakat.

Selepas menjalani hukuman, ramai bekas banduan ditempatkan di rumah perantaraan — ruang peralihan yang menawarkan struktur, sokongan dan harapan. Rumah-rumah ini adalah penting dalam membantu individu membina semula kehidupan mereka dan mengelakkan daripada kembali kepada corak lama ketagihan atau tingkah laku jenayah.

Pada Mei 10, ahli-ahli Pelayan Penjara dari Gereja Keluarga Kudus, Kajang melawat Rumah Komuniti *Second Chance* (SCCH) di Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur.

Lawatan tersebut bertujuan untuk memahami dengan lebih baik peranan rumah perantaraan dan program pemulihan. Apa yang menggembarakan ialah SCCH beroperasi dengan kerjasama Persatuan St Vincent de Paul (SSVP) dari paroki yang sama.

Rombongan menerima sambutan hangat daripada sebelas penghuni SCCH. Para banduan adalah sebahagian daripada program Pembebasan Banduan Secara Berlesen (PBSL), satu inisiatif oleh Jabatan Penjara yang membolehkan banduan dengan baki hukuman kurang daripada tiga tahun untuk menyelesaikan fasa akhir pemulihan di bawah pelepasan bersyarat iaitu tiada kesalahan berulang.

Lawatan itu dimulakan dengan sesi puji dan syukur. Pengarah SCCH, Daniel Lew menceritakan perjalanan imannya yang bangkit selepas sekian lama 'jatuh'. Tersentuh



dengan belas kasihan Tuhan, dia menemui sukacita dalam melayani orang lain dan, pada tahun 2007, mula bekerja rapat dengan Pelayan Penjara. Kerjasama itu akhirnya menginspirasi beliau untuk menubuhkan *Second Chance Community Home* di bawah bimbingan SSVP.

"SCCH menawarkan program pemulihan holistik," jelas Daniel. "Selain perlindungan asas, kami menyediakan kaunseling, perkongsian Alkitab, sokongan emosi, latihan kemahiran dan peluang pekerjaan." Ini semua adalah elemen penting dalam membantu ban-

duan mengakhiri kitaran jenayah dan ketagihan. John Kor, pengerusi Pelayan Penjara, memuji SCCH kerana menyediakan bukan sahaja rumah fizikal, tetapi juga penjagaan emosi dan rohani kepada bekas banduan serta peluang kedua bagi para penghuni Rumah tersebut.

Dalam sesi perkongsian, beberapa penghuni SCCH berkongsi pengalaman menyentuh hati mereka sendiri—cerita tentang pengabaihan, kemarahan dan kekosongan rohani yang diubah oleh kasih sayang dan penerimaan yang ditemui di SCCH.

Marian Guild Saratok rai ulang tahun ke-14

SARATOK: Pelayan *Marian Guild* Gereja St Ignatius di sini telah mengadakan Majlis Sambutan Ulang Tahun ke-14 penubuhannya, baru-baru ini.

Acara ini bertujuan untuk mengenang perjalanan penubuhan persatuan, menghargai jasa para ahli serta mengukuhkan hubungan kekeluargaan dalam kalangan umat Katolik, khususnya komuniti St Ignatius.

Majlis ini turut dimeriahkan dengan kehadiran kira-kira 100 tetamu, termasuk rombongan *Marian Guild* dari Paroki *Our Lady Queen of Peace*, Sri Aman, dan Betong.

Program dimulakan dengan doa rosari dan acara alu-aluan.

Tepat jam 11:00 pagi, majlis rasmi dimulakan dengan doa pemberkatan oleh Fr Jerome Juleng.

Majlis kemudian diserikan lagi dengan persembahan pembukaan oleh beliau St Ignatius, yang mempersembahkan sebuah tarian rebana yang indah dan bersemangat.

Pengerusi *Marian Guild*, Dorris Manjan, dalam ucapannya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli yang sentiasa komited dalam melayani komuniti di St Ignatius.

Puan Ani Isek, isteri YB Friday Belik, Ahli DUN N39 Krian dalam ucapannya menyatakan sokongan yang tinggi terhadap usaha-usaha *Marian Guild* dalam memperkaskan komuniti Katolik di sini.

Transformasi hidup rohani kerana Roh Kudus

TELUPID: Meski ada yang berkata jalan mengikuti iman Katolik itu sulit, namun 131 baptisan baharu yang dibaptis di Gereja St Martin Telupid pada malam Paskah lalu mengatakan Tuhan sentiasa membantu dan menyediakan jalan.

Sempena pesta Pentakosta yang dirayakan oleh Gereja Katolik sejagat pada Jun 8, 2025, beberapa baptisan baharu berkongsi pengalaman iman mereka dengan *HERALD*.

Arnie Petrus, 20, salah seorang yang dibaptis pada malam Paskah lalu, berkongsi beliau menjadi pengikut Kristus bukan soal keagamaan semata-mata namun mahu menyerahkan seluruh hidup kepada-Nya.

"Saya ingin menjadi berkat bagi keluarga saya dan orang-orang di sekitar saya dan saya mahu melayani Tuhan dengan sepenuh hati."

Maslinah Silang, 61, mengakui usia 'matang' menyebabkan be-



Penerimaan ke dalam Persekutuan Penuh Gereja Katolik

liau selalu lupa dan kesihatan selalunya tidak mengizinkan.

Namun, apa yang membuatkan Maslinah, seorang Anglikan, menyertai Gereja Katolik kerana suaminya seorang Katolik dan anak-anaknya membesar sebagai Katolik. Mereka menerima sakramen sejak kecil, sedangkan Maslinah masih seorang Anglikan.

Selepas menyertai Upacara Penerimaan Penuh Dalam Kesatuan Gereja Katolik pada malam

Paskah lalu, Maslinah kini aktif dalam pelayan Kerasulan Wanita Katolik dan warden.

Suriadi Sharifuddin, seorang penganut Sidang Injil Borneo (SIB) tidak terfikir untuk menjadi ahli Gereja Katolik meskipun telah berumah tangga dengan seorang wanita Katolik pada tahun 2010.

Biarpun mengambil masa selama 14 tahun untuk membuka hatinya menerima iman Katolik, namun Suriadi kini lebih mema-

hami ajaran Gereja Katolik serta lebih tekun berdoxa.

Nomilla Erica Philip, 26, dilahirkan dan dibesarkan dalam Gereja Anglikan. Dalam perjalanan imannya, Normilla juga pernah beribadat di sebuah gereja yang dipanggil Pelita Cahaya.

Beliau memutuskan untuk mengikuti kelas Inisiasi Kristian Dewasa (IKD) pada tahun 2024/2025 kerana saya tidak mahu mengalami perkahwinan campur.

Baginya perbezaan iman agama akan memberi kesan kepada anak-anak.

Normilla mengakui kelas IKD menyebabkannya jatuh cinta dengan doa-doa Katolik, tentang damai, harapan dan sakramen-sakramen Gereja.

Normilla juga bertuah kerana menerima bimbingan daripada penanggungnya dalam menjawab persoalan-persoalan iman Katolik.

Sejak awal pemilihan katekumen, sepanjang siri upacara tobat 1, 2 dan 3 sehinggalah dibaptis dan bergelar neofit, paderi paroki St Martin, Fr Christopher Ireneus menegaskan bahawa menjadi Katolik adalah satu pilihan dan merupakan panggilan Ilahi.

Beliau berpesan kepada para baptisan baharu agar sentiasa mempertahankan iman mereka walaupun berhadapan dengan cabaran, terutama dalam memilih pasangan hidup.